Semua pelajar cemerlang SPM layak dipertimbang ke matrikulasi, universiti - Fadhlina

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi - Julai 2, 2024 @ 12:38pm
bhnews@bh.com



Fadhlina beramah mesra dengan pelajak SMJK Krian. - Foto NSTP/SHAIFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI

PARIT BUNTAR: Pelajar yang dikategorikan sebagai cemerlang dalam keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) layak untuk dipertimbangkan kemasukan ke matrikulasi atau program asasi universiti awam, kata Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Beliau berkata, syarat kemasukan atau pemilihan itu tidak tertakhluk kepada lepasan SPM yang memperoleh keputusan 10A ke atas sahaja, sebaliknya diberikan juga kepada pelajar yang mencapai gred A bagi setiap mata pelajaran diambil.

"Jangan risau, semua pelajar cemerlang ini kita akan pertimbangkan.

"Rayuan kita akan buka seluas-luasnya untuk kita penuhi dan juga memberikan ruang pendidikan kepada semua pihak.

"Itu adalah jaminan daripada Kerajaan Madani dan sebab itulah saya ulang semula penegasan itu bahawa pelajar cemerlang akan kita tangani penempatan mereka di matrikulasi dan dengan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan program Antibuli Peringkat Daerah Kerian, di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Krian, pagi tadi.

Yang turut hadir, Pengarah Pendidikan Perak, Datuk Mohamad Fauzi Mahson.

Fadhlina berkata, Kementerian Pendidikan (KPM) kini bergerak secara agresif dan komprehensif bersama KPT bagi memastikan semua pelajar cemerlang mendapat tempat dan tidak tercicir.

Sebelum ini, KPM dalam satu kenyataan memaklumkan akan menyaring lulusan SPM dengan keputusan 10A ke atas yang tidak menerima tawaran untuk menyambung pengajian.

Kementerian itu berkata, akan bekerjasama dengan KPT membuat saringan berkenaan berdasarkan permohonan dikemuka di dua platform.

Platform itu ialah permohonan ke Program Matrikulasi di bawah KPM dan melalui UPUOnline® oleh Bahagian Kemasukan Pelajar Intitusi Pendidikan Tinggi Awam, di bawah KPT.

Ketetapan itu, katanya, dibuat bagi memastikan pelajar cemerlang SPM dan daripada keluarga B40 mendapat peluang melanjutkan pengajian, selain sistem kuota Bumiputera sedia ada bagi Program Matrikulasi KPM kekal dan tidak terjejas.